

02/04/2001

Pemuda ambil langkah amal sikap `bersatu hati`

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) akan mengorak langkah pertama dalam mengamalkan sikap "bersatu hati" bagi menghadapi isu rakyat.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, Jawatankuasa Sekretariat yang dipengerusikan Setiausaha Kerja Pemuda Umno, Zulkifli Alwi dan dianggotai setiausaha Pemuda BN, sudah ditubuhkan untuk menyelaras program berkaitan.

"Sebelum ini, kita sedar parti komponen hanya bersama apabila menghadapi pilihan raya atau menjalin persefahaman pada peringkat pusat dan bukan peringkat negeri.

"Justeru, adalah penting bagi pemimpin muda untuk mengorak langkah pertama dalam menjayakan amalan bersatu hati ini," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Dewan Tertinggi BN memutuskan supaya setiap isu membabitkan kepentingan bersama parti komponen tidak lagi ditangani secara bersendirian.

Dr Mahathir berkata, mulai sekarang semua 14 parti komponen BN dikehendaki menumpukan sepenuh perhatian kepada keperluan rakyat khususnya golongan miskin di bandar dan luar bandar serta meningkatkan hubungan dengan kerap membuat lawatan dan menemui penduduk.

Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno berkata, sekretariat Pemuda BN akan memberi tumpuan terhadap dua aspek utama, iaitu:

- * Melihat semula perpaduan nasional dengan mengadakan kempen kesedaran di kalangan generasi muda. Melalui jawatankuasa ini, penelitian dan penilaian semula Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020, turut akan dilaksanakan, dan

- * Meningkatkan aktiviti kemasyarakatan, iaitu Pemuda BN akan mengadakan program bersama dalam mendekati rakyat, sebagaimana yang dilaksanakan Pemuda Umno sebelum ini.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pemuda BN juga akan berusaha mengeratkan hubungan antara pemimpin peringkat negeri dan Parlimen.

"Sebenarnya, parti komponen BN lain sudah lama menunggu untuk menjalankan aktiviti secara bersama. Saya yakin, ianya dapat dilaksanakan selepas pemilihan Umno," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Kiat berkata, sudah tiba masanya pemimpin parti komponen BN, sama ada di peringkat tertinggi atau akar umbi, melaksanakan program bersama dalam meningkatkan kefahaman di kalangan kaum.

"Kami mengalu-alukan perubahan ini dan adalah penting bagi setiap parti komponen BN menyusun semula satu struktur yang dapat menjalankan program bersepadu terutama bagi program kemasyarakatan dan politik.

"Di peringkat akar umbi pula, adalah penting wakil rakyat yang dipilih memainkan peranan sebagai penggerak atau pemangkin kepada program berkaitan," katanya.

(END)